

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 MAY 2015

Najib lawat peserta TEKUN

BH- 1/5/2015

» PM luang masa tinjau perkembangan usahawan di Kampung Baru

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dalam kesibukan menjalankan tugas harian, Datuk Seri Najib Razak semalam meluangkan masa melawat lima peserta Program Tabung Ekonomi Kum-pulan Usaha Niaga (TEKUN), termasuk bengkel seorang orang kurang upaya (OKU), sekitar Kampung Baru, di sini, semalam.

Dalam entri bergambar yang dimuat turun dalam Twitter dan Facebook, Perdana Menteri Najib yang berke-meja putih, ditemani Penge-



Najib bersama kakitangan 2H Auto workshop ketika melawat bengkel itu di Kampung Baru, semalam.

rusi TEKUN Nasional, Nor Azi-tah Abdul Rahman serta Ketua Pegawai Eksekutifnya, Baharom Embi tiba di bengkel 2H Auto Workshop yang diusahakan Zaharul-Lail Alang Teh kira-kira jam 1 tengah hari.

“Sebentar tadi saya melawat Bengkel 2H Auto Workshop yang dikelolakan oleh Zaharul, antara pengusaha OKU paling berjaya di Kampung Baru,” katanya.

Selain Zaharul, penerima

lain yang turut bersama Perdana Menteri ialah pengusaha makanan beku, Fatihah Anis Ibrahim; pemilik kilang perabot, Rugayah Malik; pengusaha kedai cenderahati, Rozalfikar Abdul Rahman dan pengeluar baju, Kornia Naiee.

Makan tengah hari bersama

Dalam kesempatan itu, Najib bersama semua peserta Program TEKUN berkenaan sing-gah menikmati makan tengah

hari di Restoran Matahari Katering.

Pembiayaan yang ditawarkan menerusi Program TEKUN adalah antara RM1,000 hingga RM100,000 dengan tempoh pembayaran balik antara enam bulan hingga 10 tahun.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1988 hingga 31 Mac lalu, TEKUN Nasional memberikan pinjaman sebanyak RM3.34 bilion kepada 399,769 penerima seluruh negara.